

<b>Headline</b>	<b>Program Smart ABC bantu celik 2M</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo Ahad</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Apr 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>166,774</b>	<b>Readership</b>	<b>500,322</b>
<b>Section</b>	<b>Semasa</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>531 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>SHAHRULANOOR</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 41,340</b>		



# Program Smart ABC bantu celik 2M

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

**MUADZAM SHAH** - Yayasan Tenaga Nasional Berhad (TNB) sediakan membantu murid sekolah rendah yang menghadapi kesukaran membaca mekanisme 2M (membaca dan menulis) menerusi program Smart ABC.

Pengarah Yayasan TNB, Datuk Dr. Shaari Md. Nor berkata, program usaha sama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang dengan TNB yang dilaksanakan bertempat di Universiti Tengara Nasional (Uniten) Kampus Muadzam Shah, Rompin, Pahang pada 2 hingga 4 April lalu itu telah menunjukkan impak positif dalam membantu golongan kanak-kanak tersebut.

"Kebanyakan murid yang menyertai program ini adalah pelajar sekolah rendah yang mengalami masalah kesukaran membaca dan mereka telah dikenal pasti oleh JPN Pahang kerana ditempatkan di kelas pe-

muliahan di sekolah.

"Kita akan membuat penilaian keseluruhan dan seterusnya melihat hasil program pertama ini sebelum diteruskan pada tahun berikutnya," ujar beliau semasa ditemui ketika program tersebut berlangsung di Uniten Kampus Muadzam Shah baru-baru ini.

Menurut beliau, program yang pertama kali diadakan Yayasan TNB bersama JPN Pahang itu melibatkan 97 pelajar sekolah rendah dari seluruh negeri tersebut dan dibantu 100 mahasiswa Uniten sebagai fasilitator.

"Bilangan murid yang mula menguasai kemahiran membaca selepas mengikuti program tersebut juga menunjukkan peningkatan selepas menerima tunjuk ajar secara intensif daripada fasilitator.

"Program ini menggunakan kaedah satu murid satu guru. Ini memudahkan guru (fasilitator) memahami masalah sebenar yang dihadapi murid dan seterusnya mencari kaedah terbaik

untuk membantu mereka menguasai kemahiran membaca," tambah beliau.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pemuliharaan Khas JPN Pahang Mohd. Razif Ahmad berkata, pihaknya memuji usaha Yayasan TNB dalam membantu murid-murid sekolah rendah yang menghadapi masalah kesukaran membaca.

"JPN Pahang juga berharap program seperti ini dapat diteruskan. Program pemuliharaan pelajar memang ada di sekolah-sekolah, cuma kita menghadapi kekangan dari segi kuranguran guru yang ketika ini perlu memberi tumpuan kepada ramai murid dalam satu kelas.

"Menerusi Smart ABC, seorang guru hanya memberi tumpuan kepada seorang murid. Jika ada organisasi lain yang sedang bekerjasama dengan JPN Pahang seperti dilakukan Yayasan TNB menerusi program sebegini, kita amat berbesar hati," ujarnya.

**KETUA** guru pendidikan khas Pahang, Latifah Ali (kiri) menunjuk ajar pelajar yang menghadapi masalah kesukaran membaca pada program Smart ABC di Uniten Kampus Muadzam Shah, Rompin baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai program Smart ABC di Uniten Kampus Muadzam Shah, Rompin baru-baru ini.



SEBAHAGIAN mahasiswa Uniten dan guru menunjuk ajar pelajar yang menghadapi masalah kesukaran membaca pada program Smart ABC di Uniten Kampus Muadzam Shah, Rompin.

